

13 DEC 2000

Melaka-Exco

MELAKA LANTIK SEORANG LAGI ANGGOTA EXCO

MELAKA, 13 Dis (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam hari ini mengumumkan perlantikan Pengerusi MIC negeri Datuk R. Raghavan sebagai anggota Exco Kerajaan Negeri yang baru.

Raghavan yang merupakan anggota Dewan Undangan Negeri Bukit Asahan akan mengangkat sumpah jawatan itu Isnin ini.

Perlantikan itu yang menjadikan bilangan anggota Exco Kerajaan Negeri Melaka bertambah kepada sembilan orang akan turut melibatkan rombakan kecil potfolio.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusi mesyuarat mingguan Exco hari ini, Mohd Ali berkata Raghavan, 60, akan mempengerusikan jawatankuasa belia dan sukan.

Beliau berkata potfolio baru itu dibentuk bagi memastikan masalah remaja atau belia serta kegiatan sukan ditangani dengan lebih serius.

Belia dan sukan sekarang disatukan dalam jawatankuasa pembangunan keluarga, belia dan sukan yang dipengerusikan oleh anggota Exco, Ramlah Abas.

Ketua Menteri berkata Ramlah akan mempengerusikan jawatankuasa baru iaitu pembangunan keluarga, masyarakat dan sosial.

Mohd Ali juga berkata bahawa beliau telah mendapatkan persetujuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin mengenai perlantikan itu.

Raghavan ialah wakil MIC yang pertama dilantik sebagai anggota Exco di Melaka.

Kuota lapan anggota Exco sekarang diisi oleh dua wakil MCA dan enam wakil Umno. Jumlah itu tidak termasuk jawatan Ketua Menteri.

-- BERNAMA

MOZ PR